

Headline	Bursa Malaysia susut sedikit		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	19 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Ekonomi	Page No	L-B12
ArticleSize	198 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 10,418		



# Bursa Malaysia susut sedikit

» *FBM KLCI jatuh 3.4 mata akibat pengambilan untung saham mewah*

**S**aham di Bursa Malaysia ditutup rendah semalam berikutan kegiatan pengambilan untung sederhana dalam saham mewah terpilih selepas memperoleh keuntungan baru-baru ini, kata seorang peniaga.

Penanda aras FBM KLCI ditutup susut 3.4 mata pada 1,847.5 selepas turun naik antara 1,841.66 dan 1,849.43 sepanjang hari.

Pengambilan untung dapat dilihat pada saham Petronas Chemicals, yang susut sembilan sen kepada RM6.74, CIMB berkurangan lapan sen kepada RM7.64, Maxis turun lapan sen kepada RM7.12 dan Kumpulan Axiata merosot tujuh sen kepada RM6.70.

Bagaimanapun, kenaikan Petronas Gas dan Maybank, yang meningkat 74 sen dan lapan sen masing-masing kepada RM23.94 dan RM10.10, membantu membataskan kerugian.

Ketua Penyelidikan JF Apex Securities, Lee Chung Cheng, berkata kenaikan kelmarin yang

menyaksikan indeks utama mencapai tahap ketinggian baru pada 1,851.94, mencetuskan sedikit minat jualan semalam.

Beliau berkata, pasaran tempatan juga begitu berhati-hati dengan peniaga terus tidak memasuki pasaran setelah semua tertumpu kepada mesyuarat dasar Rizab Persekutuan yang sedang berlangsung.

“Mereka sedang menunggu hasil mesyuarat itu tanpa membaharui pegangan.

“Bagaimanapun, keputusan mesyuarat itu akan membawa impak kecil kepada pasaran kerana pengurus dana sudah pun membetulkan portfolio mereka. Mereka sudah bersiap sedia,” katanya.

Lee berkata, tahap halangan segera pada paras 1,900 mata manakala sokongan berada pada tahap 1,826 mata.

Indeks Kewangan menokok 13.68 mata kepada 16,883.68, Indeks Perusahaan melonjak 20.53 mata kepada 3,140 tetapi

Indeks Perladangan susut 88.71 mata kepada 8,946.69.

Indeks Emas FBM turun 30.49 mata kepada 12,728.24, Indeks FBMT100 susut 28.97 mata kepada 12,463.9, FBM 70 berkurangan 57.65 mata kepada 14,060.86 dan FBM Ace kurang 39.37 mata kepada 5,626.87.

Saham rugi mengatasi saham untung pada 433 berbanding 326, dengan 313 kaunter tidak berubah, 495 tidak diniagakan dan 29 yang lain digantung.

Jumlah dagangan meningkat kepada 1.085 bilion saham, bernilai RM1.632 bilion, daripada 1.081 bilion saham pada Selasa bernilai RM1.545 bilion.

Bagi saham aktif, Xidelang Holdings menokok setengah sen kepada 38.5 sen, manakala Tiger Synergy susut 2.5 sen kepada 20 sen. Saham mewah pula, TNB naik lapan sen kepada MR10.94 manakala Sime Darby kekal pada RM9.56.

Jumlah di Pasaran Utama bertambah kepada 866.17 juta unit bernilai RM1.574 bilion, daripada 837.447 juta unit, bernilai RM1.473 bilion, dicatat pada Selasa.

**BERNAMA**